

Tuanku Abdul Halim Mesra Dan Mudah Didekati, Kata Rakan Sekolah Bernama
10 April , 2012
Oleh Mohd Khairul Fikri Osman

JITRA, 10 April (Bernama) -- Yang di- Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, ketika remaja, adalah antara pelajar Special Malay Class Kolej Sultan Abdul Hamid (KSAH) yang tinggal di asrama.

Tuanku Abdul Halim dan adindanya, Tuanku Abdul Malik tinggal di asrama itu seperti pelajar lain dari tahun 1939 hingga 1948, demikian menurut rakan sekolahnya, Abdul Majid Puteh, 85.

Abdul Majid, dari Kampung Tok Kesop dekat sini, berkata Sultan Badlishah menghantar kedua-dua puteranya tinggal di asrama bagi mendidik baginda berdua untuk lebih mendekati rakyat negeri Kedah.

"Sifat baginda yang ramah dan sentiasa mendekati rakyat, iaitu semua pelajar di kolej itu, menyebabkan ramai rakan baginda mengagumi dan menyayangi baginda," katanya kepada Bernama.

Abdul Majid berkata beliau mula mengenali Tuanku Abdul Halim pada tahun 1939 ketika berusia 12 tahun dan sama-sama belajar dalam Darjah Empat di KSAH.

Beliau berkata semasa Perang Dunia Kedua, kemasukan tentera Jepun ke tanah air pada tahun 1941 menyebabkan dia dan pelajar lain terpisah dengan Tuanku Abdul Halim kerana terpaksa bercuti selama empat tahun kerana semua sekolah Inggeris dijadikan markas tentera Jepun.

"Masa sekolah mula dibuka pada tahun 1941, baginda sendiri yang datang menyapa dan bertanya khabar, dan selepas itu, saya kerap berjumpa baginda untuk bersembang," katanya.

Abdul Majid berkata pernah satu hari beliau terkejut melihat Tuanku Abdul Halim membasuh sendiri pakaian baginda.

"Saya amat kagum dengan baginda, seorang anak Raja ketika itu, dan bakal menjadi Sultan yang mempunyai status tinggi, tapi sanggup berdikari tanpa bantuan dari pihak istana," katanya sambil menambah beliau pernah dibawa Tuanku Abdul Halim ke Istana Anak Bukit.

Apabila Seri Paduka menaiki takhta pada 14 Julai 1958 berikutan kemangkatan ayahanda baginda, Sultan Badlishah, hubungan Abdul Majid dengan Tuanku Abdul Halim tidak terputus kerana sering dipanggil mengadap walaupun ketika itu beliau hanya seorang guru bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Tunjang dekat sini.

Abdul Majid berkata kenangan paling manis adalah pada 1996, apabila baginda berkenan bertemu keluarga beliau, iaitu isterinya, Wan Zainab Wan Abdullah, 71, dan lapan anak ketika itu berusia antara 20 hingga 45 tahun, menantu serta 30 cucu di Istana Anak Bukit.

"Kenangan itu diabadikan dalam gambar yang disimpan hingga kini," katanya.

Beliau berkata sehingga kini, Tuanku Abdul Halim sentiasa mengambil berat perkembangan rakan sekelasnya dan sering bertanya khabar.

Abdul Majid berkata setiap kali bertemu dengan rakan sekolahnya, baginda akan mengimbaskan kembali kenangan semasa belajar di KSAH.

Beliau berbangga dengan Tuanku Abdul Halim yang mencipta sejarah apabila ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong buat kali kedua esok, dan turut mendoakan baginda dikurniakan kesihatan yang baik untuk terus menjadi ketua negara serta memerintah Malaysia agar lebih maju, aman dan harmoni.

Abdul Majid, yang bersara sebagai Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Tunjang, pernah dianugerahkan bintang Perkhidmatan Cemerlang Kedah (PCK) pada tahun 1978, Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM) pada 1995 dan Tokoh Guru Kedah pada 2000.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658323>